



## KENYATAAN MEDIA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

### Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2019

Keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2019 akan dikeluarkan pada **25 Februari 2020**. Calon sekolah boleh mendapatkan keputusan peperiksaan mereka di sekolah masing-masing pada tarikh tersebut mulai jam 12:00 tengah hari, manakala calon persendirian individu akan memperolehnya melalui pos. Di samping itu, calon juga boleh menyemak keputusan mereka melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip *STPM RESULT<jarak><No. Kad Pengenalan>* dan menghantarkannya ke 15888 serta secara dalam talian dengan melayari portal Majlis Peperiksaan Malaysia <http://www.mpm.edu.my> mulai jam 12:00 tengah hari pada tarikh berkenaan.

Pada peperiksaan STPM tahun 2019, seramai 44,823 calon telah hadir menduduki peperiksaan ini di 652 buah pusat peperiksaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 44,501 (99.28%) orang adalah calon sekolah kerajaan, 167 (0.37%) calon sekolah swasta, 128 (0.29%) calon persendirian individu, dan 27 (0.06%) calon sekolah kerajaan negeri.

**Khawari bin Idris**  
Pegawai Perhubungan Awam  
Majlis Peperiksaan Malaysia

18 Februari 2020